**KENYATAAN AKHBAR**

**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

# SITUASI TERKINI JANGKITAN *CORONAVIRUS DISEASE* (COVID-19) DI MALAYSIA – KAPAL PERSIARAN WORLD DREAM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pihak kerajaan telah menyelaraskan ketibaan dan kemasukan 100 orang warganegara Malaysia, iaitu anak kapal persiaran World Dream, yang telah berlabuh dengan status kuarantin di Tanjung Pengelih, Johor. Semua anak kapal warganegara Malaysia ini telah diturunkan daripada kapal dan dibuat saringan kesihatan pada 22 Febuari 2020, sebelum dibawa ke Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Wilayah Selatan (IKWAS), Kluang, Johor untuk tujuan persampelan dan survelan bagi ujian pengesahan COVID-19.

Hasil pemeriksaan kesihatan yang dijalankan, kesemua 100 anak kapal ini tidak mempunyai gejala dan keputusan ujian pengesahan COVID-19 yang diterima pada 23 Februari 2020 adalah negatif. Mereka dibenarkan pulang ke rumah masing-masing dengan diletakkan di bawah Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di rumah masing-masing selama 14 hari dari tarikh mereka memasuki Malaysia.  Perjalanan pulang anak-anak kapal ini ke tempat masing-masing juga telah diaturkan sama ada diambil oleh ahli keluarga mereka atau menggunakan kemudahan bas yang telah disediakan.

Pihak Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai anak-anak kapal terbabit, dan pemantauan kesihatan harian akan dijalankan ke atas mereka. Anak-anak kapal ini juga telah dinasihatkan untuk mematuhi Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di rumah yang juga merupakan perintah di bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Wakil perubatan kapal persiaran berkenaan juga telah memuji tindakan kerajaan membawa pulang anak kapal warganegara Malaysia, dan memaklumkan proses saringan kesihatan yang telah dijalankan adalah teratur dan dikoordinasikan dengan begitu baik dan lancar.

KKM ingin mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada semua agensi yang terlibat seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pengangkutan, Majlis Keselamatan Negara, INTAN, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Sukarelawan Negara, dan Pasukan SMART, yang diselaraskan oleh pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dalam memastikan proses saringan ini berjalan lancar. Tahniah juga kepada semua anggota Jabatan Kesihatan Negeri Johor, Pejabat Kesihatan Daerah Kota Tinggi, Pejabat Kesihatan Daerah Kluang dan Makmal Kesihatan Awam Johor Bharu yang telah memberikan komitmen sepenuhnya bagi memastikan saringan kesihatan dijalankan sebaik mungkin dan dengan lancar.

KKM juga ingin mengingatkan kepada semua anak kapal ini serta semua individu yang telah diletakkan di bawah Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di rumah agar bertanggungjawab untuk memantau status kesihatan mereka sendiri setiap hari dan hendaklah patuh kepada semua arahan serta nasihat kesihatan yang telah diberikan oleh pihak KKM. Ia bertujuan bagi memastikan kesihatan individu tersebut dipantau serta mengurangkan risiko penularan kepada ahli keluarga dan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**
**KETUA PENGARAH KESIHATAN**
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**
**23 FEBRUARI 2020**